

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH PENYALAHGUNAAN KOMPUTER, 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyalahgunaan Komputer, 2000.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi melindungi bahan komputer dari akses atau pengubahsuaian tanpa kebenaran dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya".

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"komputer" bermakna suatu peranti elektronik, magnet, optik, elektrokimia, atau peranti pemprosesan data lain, atau suatu kumpulan peranti tersaling-sambung atau peranti berkaitan, yang melaksanakan fungsi logik, aritmetik atau storan, dan termasuk sebarang kemudahan storan data atau kemudahan perhubungan yang secara langsung berkaitan dengan atau dikendalikan bersama dengan peranti tersebut atau kumpulan peranti tersaling-sambung atau peranti berkaitan tersebut, tetapi tidak termasuk —

- (a) suatu peranti serupa yang tidak boleh diprogram atau yang tidak mengandungi sebarang kemudahan storan data; atau
- (b) peranti lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*;

"output komputer" bermakna suatu pernyataan atau gambaran (sama ada dalam bentuk bertulis, bercetak, bergambar, bergraf atau bentuk lain) yang dikatakan sebagai pernyataan atau gambaran fakta —

- (a) yang dihasilkan oleh suatu komputer; atau
- (b) yang diterjemahkan dengan tepat dari suatu pernyataan atau gambaran yang dihasilkan itu;

"program komputer" bermakna data yang menggambarkan suruhan atau pernyataan yang, apabila dilakukan dalam suatu komputer, menyebabkan komputer itu melaksanakan suatu fungsi;

"perkhidmatan komputer" termasuk masa komputer, pemprosesan data dan storan atau perolehan kembali data;

"kerosakan" bermakna, kecuali bagi maksud-maksud bab 13, sebarang kerrosakan kepada suatu komputer atau keutuhan atau tersedianya data, suatu program atau sistem, atau maklumat, yang —

- (a) menyebabkan kerugian yang nilainya berjumlah sekurang-kurangnya sepuluh ribu ringgit, atau jumlah lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, kecuali bahawa sebarang kerugian yang dilakukan atau terakru lebih dari satu tahun selepas tarikh kesalahan yang berkenaan itu tidaklah boleh diambil kira;
- (b) mengubahsuai atau merosakkan, atau mungkin mengubahsuai atau merosakkan, pemeriksaan perubatan, diagnosis, rawatan atau penjagaan seorang atau lebih;
- (c) menyebabkan atau mengancam kecederaan fizikal atau kematian kepada mana-mana orang; atau
- (d) mengancam kesihatan awam atau keselamatan awam;

"data" bermakna gambaran maklumat atau konsep yang disediakan atau telah disediakan dalam suatu bentuk yang sesuai untuk digunakan dalam suatu komputer;

"peranti elektronik, akustik, mekanik atau peranti lain" bermakna sebarang peranti atau alat yang digunakan atau boleh digunakan untuk memintas sebarang fungsi suatu komputer;

"fungsi" termasuk logik, kawalan, aritmetik, hapusan, storan dan perolehan kembali, baca dan tulis, dan perhubungan atau telekomunikasi kepada, daripada atau di dalam suatu komputer;

"memintas", berkenaan dengan fungsi suatu komputer, termasuk mendengar atau merekod fungsi suatu komputer, atau memperolehi isi, makna atau tujuannya;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"output" mempunyai makna yang sama sebagaimana "output komputer";

"program" mempunyai makna yang sama sebagaimana "program komputer".

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, seseorang memperolehi akses kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam suatu komputer jika dengan menyebabkan suatu komputer melaksanakan sebarang fungsi dia —

- (a) mengubah atau memadam program atau data itu;
- (b) menyalin atau memindahkannya ke sebarang medium storan selain dari medium storan di mana ia disimpan atau ke suatu lokasi lain dalam medium storan di mana ia disimpan;
- (c) menggunakannya; atau
- (d) menyebabkannya dioutput dari komputer di mana ia disimpan (sama ada dengan memaparkannya atau dengan sebarang cara lain).

dan sebutan kepada akses kepada suatu program atau data (dan sebutan kepada tujuan untuk memperolehi akses tersebut) hendaklah dibaca dengan sewajarnya,

(3) Bagi maksud-maksud perenggan (c) ceraian (2), seseorang menggunakan suatu program jika fungsi yang disebabkannya komputer itu melaksanakan —

- (a) menyebabkan program itu dilakukan; atau
- (b) dengan sendirinya merupakan fungsi program itu.

(4) Bagi maksud-maksud perenggan (d) ceraian (2), bentuk bagaimana sebarang program atau data dioutput (dan khususnya sama ada atau tidak ia menggambarkan suatu bentuk bagaimana, dalam hal suatu program, ia boleh dilakukan atau, dalam hal data, ia boleh diproses oleh suatu komputer) adalah tidak penting.

(5) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang jenis akses oleh mana-mana orang kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam suatu komputer adalah tidak dibenarkan atau dilakukan tanpa kebenaran jika —

- (a) dia sendiri tidak berhak mengawal jenis akses yang berkenaan itu kepada program atau data tersebut; dan

- (b) dia tidak mendapat persetujuan baginya untuk membuat jenis akses yang berkenaan itu kepada program atau data tersebut daripada mana-mana orang yang berhak.

(6) Sebutan dalam Perintah ini kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam suatu komputer termasuk sebutan kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam sebarang medium storan boleh alih yang pada masa itu ada dalam komputer itu; dan suatu komputer akan dianggap sebagai mengandungi sebarang program atau data yang disimpan dalam sebarang medium tersebut.

(7) Bagi maksud-maksud Perintah ini, suatu pengubahsuaian isi kandungan sebarang komputer berlaku jika, dengan pengendalian sebarang fungsi komputer itu atau sebarang komputer lain —

- (a) sebarang program atau data yang disimpan dalam komputer itu diubah atau dipadam;
- (b) sebarang program atau data ditambah pada isi kandungannya; atau
- (c) sebarang perbuatan yang merosakkan pengendalian biasa sebarang komputer,

dan sebarang perbuatan yang turut menyebabkan pengubahsuaian tersebut hendaklah dianggap sebagai menyebabkannya.

(8) Sebarang pengubahsuaian yang disebut dalam ceraian (7) adalah tanpa kebenaran jika —

- (a) orang yang perbuatannya menyebabkan pengubahsuaian tersebut tidak berhak untuk menentukan sendiri sama ada pengubahsuaian itu patut dibuat; dan
- (b) dia tidak mendapat persetujuan terhadap pengubahsuaian itu daripada mana-mana orang yang berhak.

(9) Sebutan dalam Perintah ini kepada suatu program termasuk sebutan kepada sebahagian dari suatu program.

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN-KESALAHAN

#### Akses tanpa kebenaran kepada bahan komputer.

3. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), mana-mana orang yang dengan mengetahui menyebabkan suatu komputer untuk melaksanakan sebarang fungsi bagi maksud memperolehi akses tanpa kebenaran kepada sebarang program atau data yang

disimpan dalam sebarang komputer adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun atau kedua-duanya sekali dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika sebarang kerosakan berlaku akibat dari suatu kesalahan di bawah bab ini, orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, adalah tidak penting bahawa perbuatan yang berkenaan itu tidak ditujukan pada —

- (a) sebarang program atau data tertentu;
- (b) sebarang jenis program atau data; atau
- (c) suatu program atau data yang disimpan dalam sebarang komputer tertentu.

**Akses dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan.**

4. (1) Mana-mana orang yang menyebabkan suatu komputer untuk melaksanakan sebarang fungsi bagi maksud memperolehi akses kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam suatu komputer dengan niat untuk melakukan suatu kesalahan yang dikenakan bab ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Bab ini dikenakan kepada suatu kesalahan yang melibatkan harta, penipuan, ketidakjujuran atau yang menyebabkan kecederaan badan dan yang boleh dihukum penjara apabila sabit kesalahan selama suatu tempoh yang tidak kurang dari dua tahun.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, adalah tidak penting sama ada —

- (a) akses yang disebut dalam ceraian (1) adalah dibenarkan atau tanpa kebenaran;

- (b) kesalahan yang dikenakan bab ini adalah dilakukan pada masa yang sama apabila akses itu diperolehi atau pada bila-bila masa yang lain.

**Pengubahsuaihan bahan komputer tanpa kebenaran.**

5. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), mana-mana orang yang melakukan sebarang perbuatan yang diketahuinya akan menyebabkan pengubahsuaihan isi kandungan sebarang komputer tanpa kebenaran adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika sebarang kerosakan berlaku akibat dari suatu kesalahan di bawah bab ini, orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, adalah tidak penting bahawa perbuatan yang berkenaan itu tidak ditujukan pada —

- (a) sebarang program atau data tertentu;
- (b) sebarang jenis program atau data; atau
- (c) program atau data yang disimpan dalam sebarang komputer tertentu.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, adalah tidak penting sama ada pengubahsuaihan tanpa kebenaran adalah kekal atau sementara, atau dimaksudkan sebagai kekal atau sementara.

**Penggunaan atau pintasan perkhidmatan komputer tanpa kebenaran.**

6. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), mana-mana orang yang dengan mengetahui —

- (a) memperolehi akses tanpa kebenaran kepada sebarang komputer bagi maksud mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, sebarang perkhidmatan komputer;
- (b) memintas atau menyebabkan untuk dipintas tanpa kebenaran, secara langsung atau tidak langsung, sebarang fungsi komputer dengan menggunakan suatu peranti elektromagnetik, akaustik, mekanik atau peranti lain; atau

- (c) menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan, secara langsung atau tidak langsung, komputer atau sebarang peranti lain bagi maksud melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan (a) atau (b),

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua puluh ribu ringgit atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika sebarang kerosakan berlaku akibat dari suatu kesalahan di bawah bab ini, orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, adalah tidak penting bahawa akses atau pintasan tanpa kebenaran tidak ditujukan pada —

- (a) sebarang program atau data tertentu;  
(b) sebarang jenis program atau data; atau  
(c) program atau data yang disimpan dalam sebarang komputer tertentu.

**Mengadang penggunaan komputer tanpa kebenaran.**

7. (1) Mana-mana orang yang dengan mengetahui dan tanpa kebenaran atau alasan yang sah —

- (a) mengganggu, atau menghalang atau mengadang penggunaan yang sah, suatu komputer; atau  
(b) menghalang atau mencegah akses kepada, atau merosakkan kebergunaan atau keberkesaan, sebarang program atau data yang disimpan dalam suatu komputer,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika sebarang kerosakan berlaku akibat dari suatu kesalahan di bawah bab ini, orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pendedahan kod akses tanpa kebenaran.**

8. (1) Mana-mana orang yang dengan mengetahui dan tanpa kebenaran mendedahkan sebarang kata laluan, kod akses atau cara lain untuk mendapatkan akses kepada sebarang program atau data yang disimpan dalam sebarang komputer adalah melakukan suatu kesalahan jika dia berbuat demikian —

- (a) untuk sebarang keuntungan salah;
- (b) untuk sebarang maksud yang menyalahi undang-undang; atau
- (c) dengan mengetahui bahawa berkemungkinan akan menyebabkan kerugian salah kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-dua sekali, dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua puluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

**Hukuman tambahan bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan komputer yang dilindungi.**

9. (1) Jika akses kepada sebarang komputer yang dilindungi diperolehi semasa berlakunya suatu kesalahan di bawah bab 3, 5, 6 atau 7, orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu sebagai ganti hukuman yang masing-masing ditetapkan dalam bab-bab itu, boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari seratus ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua puluh tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), suatu komputer hendaklah disifatkan sebagai "komputer yang dilindungi" jika orang yang melakukan kesalahan itu mengetahui, atau sepatutnya dengan munasabah telah mengetahui, bahawa komputer, program atau data tersebut telah digunakan secara langsung berhubung dengan atau perlu untuk —

- (a) keselamatan, pertahanan atau hubungan antarabangsa Negara Brunei Darussalam;
- (b) kewujudan atau identiti sesuatu sumber maklumat yang sulit berkenaan dengan penguatkuasaan sesuatu undang-undang jenayah;

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

- (c) pemberian perkhidmatan yang secara langsung berkaitan dengan infrastruktur perhubungan, perkhidmatan perbankan dan kewangan, kemudahan awam, pengangkutan awam atau infrakstruktur penting awam; atau
- (d) perlindungan keselamatan awam, termasuk sistem yang berkaitan dengan perkhidmatan kecemasan yang penting, misalnya perkhidmatan polis dan perubatan.

(3) Bagi maksud-maksud sebarang pendakwaan di bawah bab ini, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang dikehendaki yang disebut dalam ceraian (2) jika terdapat, berkaitan dengan komputer, program atau data tersebut, suatu amaran elektronik atau lain yang ditunjukkan kepada tertuduh yang menyatakan bahawa akses tanpa kebenaran kepada komputer, program atau data itu akan dikenakan hukuman yang lebih berat di bawah bab ini.

**Persubatan dan percubaan boleh dikenakan hukuman sebagai kesalahan.**

10. (1) Mana-mana orang yang bersubatan melakukan atau yang cuba melakukan atau melakukan sebarang perbuatan sebelum atau terus melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini adalah melakukan kesalahan itu dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Bagi suatu kesalahan yang dilakukan di bawah bab ini, adalah tidak penting di mana perbuatan yang berkenaan itu berlaku.

### **BAHAGIAN III**

#### **RAMPAN DAN AM**

**Skop wilayah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Perintah ini.**

11. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), Perintah ini hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan mana-mana orang, apa pun kerakyatannya, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam; dan jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan oleh mana-mana orang di luar Negara Brunei Darussalam, dia boleh diambil tindakan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), Perintah ini hendaklah dikenakan jika, bagi kesalahan yang berkenaan itu —

- (a) tertuduh berada di Negara Brunei Darussalam pada masa yang mustahak; atau

/b) komputer, program atau data tersebut berada di Negara Brunei Darussalam pada masa yang mustahak.

**Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa penuh.**

12. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini dan untuk mengaward hukuman penuh bagi sebarang kesalahan.

**Perintah pembayaran pampasan.**

13. (1) Mahkamah yang di hadapannya seseorang telah disabitkan atas sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh membuat suatu perintah terhadapnya bagi pembayaran olehnya suatu jumlah wang yang akan ditetapkan oleh mahkamah dengan cara pampasan kepada mana-mana orang kerana sebarang kerosakan yang berlaku kepada komputer, program atau datanya dengan kesalahan yang atasnya hukuman telah dijatuhkan.

(2) Sebarang tuntutan oleh seseorang kerana kerosakan yang ditanggung disebabkan oleh kesalahan itu hendaklah dianggap telah diselesaikan setakat sebarang amaun yang telah dibayar kepadanya di bawah suatu perintah pampasan, tetapi perintah itu tidaklah boleh menjelaskan sebarang hak terhadap remedii sivil bagi mendapatkan kembali ganti rugi melebihi amaun pampasan yang dibayar di bawah perintah tersebut.

(3) Suatu perintah pampasan di bawah bab ini boleh didapatkan kembali sebagai hutang sivil.

**Pengecualian bagi penyiasatan yang dijalankan oleh polis dan pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang.**

14. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menghalang seseorang pegawai polis, mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Polis di bawah ceraian (1) bab 18 atau mana-mana pegawai penguatkuasaan undang-undang lain yang sempurna diberi kuasa dari menjalankan penyiasatan secara sah menurut kuasa-kuasanya yang diberikan di bawah sebarang undang-undang bertulis.

**Keterangan dari rekod komputer.**

15. (1) Dengan tidak menghiraukan bab-bab 35A dan 35B dari Akta Keterangan (Penggal 108), dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini sebarang output komputer yang berkaitan boleh diterima sebagai keterangan mengenai sebarang fakta yang dinyatakan di dalamnya jika ditunjukkan —

- (a) bahawa tiada terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa output tersebut tidak tepat kerana penggunaan salah komputer tersebut dan bahawa tidak ada sebab untuk meragui kebenaran atau kebolehpercayaan output tersebut; atau
- (b) bahawa pada setiap masa yang mustahak komputer tersebut berfungsi dengan betul, atau jika tidak, bahawa sebarang hal bagaimana ia tidak berfungsi dengan betul atau tidak lagi berfungsi adalah tidak menjelaskan pengeluaran output tersebut atau ketepatan isi kandungannya.

(2) Bagi maksud memutuskan sama ada atau tidak output tersebut boleh diterima, mahkamah boleh membuat sebarang kesimpulan yang munasabah dari hal keadaan bagaimana output itu dibuat ataupun sebaliknya mula diwujudkan.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang menghendaki bahawa, dalam sebarang prosiding jika dikehendaki untuk memberikan suatu pernyataan sebagai keterangan menurut bab ini, maklumat mengenai pernyataan tersebut hendaklah diberikan dalam bentuk dan pada masa sebagaimana yang mungkin dikehendaki demikian.

**Peruntukan-peruntukan tambahan mengenai keterangan.**

16. (1) Dalam sebarang prosiding jika dikehendaki untuk menerima output komputer sebagai keterangan menurut bab 15, suatu perakuan —

- (a) yang mengenalpasti output komputer dan menerangkan cara bagaimana output itu dikeluarkan;
- (b) yang memberikan butir-butir sebarang peranti yang terlibat dalam pengeluaran output komputer tersebut sebagaimana yang mungkin bersesuaian bagi maksud menunjukkan bahawa output tersebut dikeluarkan oleh suatu komputer;
- (c) yang berhubungan dengan sebarang perkara yang disebutkan dalam ceraian (1) bab 15; dan
- (d) dikatakan ditandatangani oleh seseorang yang memegang jawatan yang mempunyai tanggungjawab berhubung dengan pengendalian komputer tersebut pada setiap masa yang berkaitan,

hendaklah diterima dalam prosiding tersebut sebagai keterangan mengenai apa-apa juga yang dinyatakan dalam perakuan tersebut.

(2) Jika orang yang disebut dalam perenggan (d) ceraian (1) yang memegang jawatan yang mempunyai tanggungjawab berhubung dengan pengendalian

komputer tersebut tidak mempunyai kawalan atau akses kepada sebarang rekod dan fakta yang berkaitan berhubung dengan pengeluaran output komputer oleh komputer tersebut, suatu perakuan tambahan yang ditandatangani oleh orang lain yang mempunyai kawalan atau akses itu dan dibuat menurut perenggan-perenggan /a) hingga /c) ceraian (1) hendaklah menjadi keterangan mengenai apa-apa jua yang dinyatakan dalam perakuan tersebut.

(3) Bagi maksud ceraian-ceraian (1) dan (2), adalah mencukupi bagi sesuatu perkara dinyatakan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan orang yang menyatakannya.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1) dan (2), mahkamah boleh menghendaki supaya keterangan secara lisan diberikan tentang apa-apa jua yang mengenainya keterangan boleh diberikan dengan suatu perakuan di bawah ceraian tersebut.

(5) Mana-mana orang yang dalam suatu perakuan yang dikemukakan dalam mahkamah di bawah ceraian (1) atau (2) membuat suatu pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu atau dia tidak mempercayainya sebagai benar adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Dalam menganggarkan nilai, jika ada, sebarang output komputer yang boleh diterima, perhatian hendaklah diberikan kepada semua hal keadaan yang darinya sebarang kesimpulan boleh dibuat dengan munasabah tentang ketepatan ataupun sebaliknya output tersebut dan, khususnya --

- /a) tentang persoalan sama ada maklumat yang dikeluarkan semula oleh output tersebut atau diperolehi darinya dibekalkan kepada komputer yang berkaitan, atau direkodkan bagi maksud untuk dibekalkan kepadanya, semasa terdapatnya atau adanya fakta-fakta yang berhubungan dengan maklumat tersebut; dan
- /b) tentang persoalan sama ada mana-mana orang yang berkenaan dengan pembekalan maklumat kepada komputer tersebut, atau pengendalian komputer tersebut atau sebarang peralatan yang dengannya output komputer yang boleh diterima itu dikeluarkan olehnya, mempunyai sebarang dorongan untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan fakta-fakta tersebut.

(7) Bagi maksud-maksud ceraian (6), maklumat hendaklah dianggap sebagai dibekalkan kepada suatu komputer sama ada ia dibekalkan secara langsung atau (dengan atau tanpa campur tangan manusia) melalui sebarang peralatan yang bersesuaian.

Bukti dokumen atau salinannya.

17. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Akta Keterangan (Penggal 108), jika dalam sebarang prosiding mana-mana output komputer boleh diterima sebagai keterangan menurut bab 15, ia boleh dibuktikan —

- (a) dengan mengemukakan output komputer tersebut; atau
- (b) (sama ada atau tidak output komputer tersebut masih merupakan sebagai keterangan) dengan mengemukakan satu salinan output tersebut, atau bahagiannya yang penting,

yang disahkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh mahkamah.

**Kuasa pegawai polis untuk membuat akses kepada komputer dan data.**

18. (1) Seseorang pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Polis adalah —

- (a) berhak pada bila-bila masa untuk —
  - (i) mendapat akses kepada dan memeriksa dan meneliti pengendalian mana-mana komputer yang dikenakan bab ini;
  - (ii) menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan sebarang komputer tersebut untuk mencari sebarang data yang terkandung dalam atau terdapat dalam komputer tersebut; atau
  - (iii) mendapat akses kepada sebarang maklumat, kod atau teknologi yang mempunyai keupayaaan untuk mengubah semula atau mengembalikan data yang ditukar ke dalam kod yang terkandung atau terdapat dalam komputer tersebut ke dalam format atau teks yang boleh dibaca dan dapat difahami bagi maksud menyiasat sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang kesalahan lain yang telah didedahkan dalam masa menjalankan secara sah kuasa-kuasa di bawah bab ini;
- (b) berhak untuk menghendaki —
  - (i) orang yang atau yang bagi pihaknya pegawai polis atau pegawai penyiasatan mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki sebarang komputer yang dikenakan bab ini digunakan atau telah digunakan; atau

(ii) mana-mana orang yang menjaga, ataupun sebaliknya ada kena mengena dengan pengendalian, komputer tersebut,

supaya memberikan kepadanya bantuan teknikal dan bantuan lain yang munasabah sebagaimana yang mungkin dikehendakinya bagi maksud-maksud perenggan (a); atau

(c) berhak untuk menghendaki mana-mana orang yang memiliki maklumat yang dipecahkan kodnya supaya memberikan kepadanya akses kepada maklumat yang dipecahkan kodnya itu yang diperlukan untuk memecahkan kod data yang dikehendaki bagi maksud menyiasat sebarang kesalahan tersebut.

(2) Bab ini dikenakan kepada suatu komputer yang seseorang pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Polis mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berhubung dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang kesalahan lain yang telah didedahkan dalam masa menjalankan secara sah kuasa-kuasa di bawah bab ini.

(3) Kuasa-kuasa yang disebut dalam perenggan-perenggan kecil (ii) dan (iii) perenggan (a) dan dalam perenggan (c) ceraian (1) tidaklah boleh dijalankan kecuali dengan persetujuan Pendakwa Raya.

(4) Mana-mana orang yang menghalang perjalanan yang sah kuasa-kuasa di bawah perenggan (a) ceraian (1) atau yang gagal mematuhi kehendak di bawah perenggan (b) atau (c) ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari sepuluh ribu ringgit, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini —

"maklumat yang dipecahkan kodnya" bermakna maklumat atau teknologi yang membolehkan seseorang dengan mudah mengubah semula atau mengembalikan data yang ditukar ke dalam kod dari formatnya yang tidak boleh dibaca dan tidak dapat difahami kepada versi teksnya yang jelas;

"data yang ditukar ke dalam kod" bermakna data yang telah diubah atau ditukar dari versi teksnya yang jelas kepada format yang tidak boleh dibaca atau tidak dapat difahami, tanpa mengira teknik yang digunakan untuk mengubah atau menukarannya dan tanpa mempedulikan medium di mana data tersebut terdapat atau dapat ditemui bagi maksud-maksud melindungi isi kandungan data tersebut;

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

"versi teks yang jelas" bermakna data asal sebelum ia diubah atau ditukar kepada format yang tidak boleh dibaca atau tidak dapat difahami.

### **Tangkapan polis tanpa waran.**

19. Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 21 haribulan Jun, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**